

~~U.M 11 SEP 1993~~
Pencalonan
untuk Anwar
kehendak
ahli bahagian

KUALA TERENGGANU
10 Sept. — Perdana Menteri, ~~Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad~~ menegaskan sokongan menyeluruh terhadap Anwar bagi jawatan Timbalan Presiden dalam sembilan bahagian yang bersidang semalam adalah kehendak ahli-ahli di peringkat bahagian.

"Saya tidak tahu sama ada kerana mereka hendakkan perubahan atau apa. Tetapi yang jelas dia pilih orang ini (Anwar). Dalam demokrasi, mereka berhak pilih sesiapa sahaja.

Diminta mengulas keputusan persidangan perwakilan bahagian yang bermula semalam beliau berkata, apa sahaja hasrat yang ditunjukkan dari keputusan awal itu adalah perkiraan mereka sendiri.

Mahathir menyatakan demikian dalam sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan para pemimpin UMNO negeri dan bahagian-bahagian di kediaman Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad di sini hari ini.

Mengenai pergolakan dalam UMNO di Sabah, beliau berkata sehingga kini beliau masih belum menerima memorandum daripada 19 ketua bahagian di sana berhubung dengan rasa tidak puas hati terhadap cara pengendalian Ketua Perhubungan UMNO Negeri, Ghafar Baba.

Ketua UMNO bahagian Samporna, Tan Sri Sakaran Dandai dalam laporan akhbar hari ini berkata, beliau telah menghantar memorandum itu beberapa hari lalu.

Sementara itu, mengulas mengenai soal hak milik tanah Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) yang menimbulkan pertelagahan dengan kerajaan negeri beliau menyifatkan kerajaan negeri tidak sepatutnya berbuat demikian.

"Kalau tidak secocok dengan perundangan yang ada, maka kita terpaksa membawanya ke mahkamah," ujar Perdana Menteri.

Hari ini akhbar melaporkan Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz Nik Mat bersedia menghadapi Kerajaan Persekutuan di mahkamah berhubung dengan soal itu.